

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**  
**KAWASAN : SUNGAI SIPUT**  
**TARIKH : 05 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan menaik taraf dan meluruskan jalan laluan utama dihadapan tokong Salak Stesyen di mana sering berlaku kemalangan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tiada perancangan untuk menaiktaraf jalan laluan utama di hadapan tokong Salak Stesyen iaitu Jalan Persekutuan FT01. Berdasarkan semakan stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service, LOS) berada pada tahap LOS A.

Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik pada jalan sedia ada masih lancar serta masih lagi mampu menampung kapasiti jalan sedia ada. Di samping itu juga, cadangan untuk menaiktaraf jalan ini tidak tersenarai di dalam keutamaan Kerajaan Negeri Perak. Namun demikian, Kementerian ini bersedia menerima cadangan dari pihak Kerajaan Negeri Perak sekiranya jalan tersebut memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.

Kementerian ini juga mengambil maklum akan isu keselamatan jalan raya di laluan tersebut. Bagi maksud ini, Kementerian, melalui Program Merawat Dan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan yang dilaksanakan oleh pihak JKR bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan memperbaiki lokasi kemalangan di jalan – jalan persekutuan tersebut yang dikenali sebagai kawasan *blackspots* untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan. Bagi rekod pembaikan yang dilaksanakan di Laluan FT01 di daerah Kuala Kangsar, Perak, lokasi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berada di Seksyen 635 dan telah dilaksanakan pembaikan pada tahun 2014 manakala 7 lokasi *blackspots* lain di laluan ini juga telah dilaksanakan pembaikan sejak dari tahun 2011 hingga 2019 dengan kos rawatan berjumlah RM2.3 juta bagi kesemua lokasi tersebut.

Sekian, terima kasih.